

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PRESTASI KEWANGAN DAN USAHA BAGI MENINGKATKAN JUMLAH
KEMASUKAN PELAJAR KE UNISEL**

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi pemasaran yang dilakukan pada tahun 2016 hingga 2017 bagi meningkatkan jumlah pelajar memasuki UNISEL?
- b) Apakah pendekatan terkini yang dilakukan bagi memperbaiki prestasi kewangan UNISEL?
- c) Nyatakan usaha proaktif yang dilakukan bagi menjadikan UNISEL sebagai Pusat Kecemerlangan (*Centre Of Excellence*).

JAWAPAN:

- a) Bagi meningkatkan jumlah pelajar, UNISEL telah mempergiatkan lagi usaha pemasaran ke seluruh negeri khususnya di negeri Selangor. Strategi pemasaran yang paling utama pada tahun 2016 dan 2017 adalah bersifat "*dedicated marketing*" yang memberikan impak yang lebih berkesan dan dalam masa yang sama lebih menjimatkan kos. Meskipun sedar akan suasana persaingan yang sengit dengan lebih 20 Universiti Awam (UA) dan lebih 400 Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), namun strategi ini dilihat berjaya meningkatkan jumlah pengambilan pelajar dan menyekat tren kemerosotan yang berlaku sejak tahun 2008. Program pemasaran yang bersifat "*dedicated marketing*" seperti mengadakan Bengkel Pemasaran bersama fakulti, aktiviti pemasaran di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Selangor dan Pusat-pusat Tuisyen di bawah Kerajaan Selangor, mengadakan kelas motivasi, Pameran Pendidikan yang dianjurkan oleh KPT, lawatan ke sekolah-sekolah terpilih dan sebagainya berjaya menarik minat pelajar untuk meneruskan pengajian di UNISEL.

Selain itu, inisiatif meningkatkan pelajar juga dilakukan melalui usaha meningkatkan imej universiti secara total sejak awal tahun 2016 dan diteruskan sehingga kini. Ini termasuklah melalui pelbagai program yang telah dianjurkan seperti Pameran Akademik UNISEL. UNISEL juga telah menganjurkan Hari Terbuka UNISEL pada 20-22 Mei 2017 yang memberikan impak yang sangat besar. Buktinya pada pengambilan pelajar 8 Julai 2017, buat pertama kali dalam sejarah pengambilan pelajar untuk semester pendek, pengambilan pelajar telah mencecah lebih 1,000 orang. Statistik kemasukan pelajar untuk semester pendek sebelum ini tidak pernah melebihi 500 orang. Selepas melihat kesan yang positif

daripada Hari Terbuka UNISEL ini, pihak pengurusan universiti telah memutuskan untuk mengadakan sekali lagi Hari Terbuka 2.0 yang dijadualkan pada 25-27 Ogos 2017. Pelajar UNISEL keseluruhannya kini telah mencecah lebih 10 ribu orang. Melihat kepada keberkesanan program di Hari Terbuka UNISEL, kini universiti merancang untuk mengadakan Hari Terbuka 3.0 pada 1-3 Disember 2017. Kini, buat pertama kalinya kampus UNISEL Bestari Jaya dipilih sebagai *venue* untuk Hari Terbuka 3.0. Penglibatan fakulti dan jabatan diberikan fokus. Setiap fakulti dan jabatan perlu mengadakan aktiviti yang boleh menonjolkan kepakaran dan program fakulti masing-masing.

Pada 27-29 Oktober 2017, pihak Astro Oasis dengan kerjasama Menteri Besar Incorporated (MBI) dan Smart Selangor (Kerajaan Negeri Selangor) akan mengadakan Konsert *Soul Station #Satu Destinasi* Sempena Sambutan 10 Astro Oasis. Konsert bertemakan kelslaman ini akan mengetengahkan sebahagian besar penyampai, penceramah motivasi dan penyanyi lagu-lagu dakwah. UNISEL telah dipilih sebagai *venue* oleh pihak Astro kerana kejayaan UNISEL menganjurkan Program Hari Terbuka UNISEL 1.0 dan 2.0 pada awal dan pertengahan tahun ini.

Dalam masa yang sama, pelan pemasaran juga diteruskan seperti sebelum ini, iaitu melalui pengiklanan di papan-papan tanda/*billboard*, pengiklanan di radio, media sosial dan surat khabar khususnya Sinar Harian. Sebanyak lapan *billboard* telah dinaikkan di lokasi-lokasi berikut iaitu 2 di Bukit Tagar dan satu di setiap lokasi seterusnya seperti di Sabak Bernam, MRR2, Pendang, Bandar Baharu, Yong Peng dan Pagoh.

Program-program CSR universiti juga diteruskan seperti yang dilakukan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar melalui Program CAKNA yang begitu aktif, hasilnya nama UNISEL semakin dikenali oleh masyarakat. Antara aktiviti pemasaran dari September – November 2017 adalah program Jelajah IPT Pusat Tuisyen Rakyat (PTRS) siri 1-3, Pecutan Akhir SPM di PTRS DUN Bukit Lanjan, Bengkel SPM di SMK Seksyen 7 Shah Alam, Larian Universiti Selangor Sempena Program Generasi Berimpak di Kompleks Sukan Pendamaran Klang dan Perkampungan & Bengkel Seni Visual yang melibatkan 15 Sekolah Aliran Sastera –Seni Visual bertempat di kampus Bestari Jaya.

Bagi memastikan universiti ini terus berdaya saing, UNISEL juga telah mewujudkan *feeder* dengan memperkenalkan Skim Dermasiswa dan menubuhkan Smart Tahfiz di Kampus Bestari Jaya.

Skim Dermasiswa merupakan adalah skim yang memberi Yuran Pengajian Secara Percuma yang diberikan kepada semua pelajar Tahun Asas. Melalui skim ini, pelajar diwajibkan untuk meneruskan pengajian mereka di peringkat ijazah sarjana muda setelah tamat program Pengajian Asas di UNISEL. Sehingga

kini, seramai 623 pelajar telah mengambil Skim Dermasiswa sejak tahun 2016. Daripada jumlah ini, 151 telah pun menyambung pengajian di UNISEL dalam ijazah sarjana muda. Keseluruhan pelajar Dermasiswa kini berjumlah 472. Skim ini memberi peluang pendidikan percuma kepada semua pelajar di negara ini. Skim ini bukan sahaja menjadi pilihan pelajar susah tetapi mendapat pilihan pelajar cemerlang. Seorang pelajar cemerlang 9A dari Kelantan telah memilih Skim Dermasiswa. Rekod pencapaian pelajar Asas TESL adalah 35% daripada mereka mendapat CGPA 3.5. Ini menunjukkan Skim Dermasiswa berjaya melahirkan pelajar cemerlang.

Manakala bagi program Smart Tahfiz Masjid UNISEL pula, pelajar-pelajar tahfiz ini diberikan tuisyen untuk menduduki peperiksaan SPM. Kini terdapat seramai 63 orang pelajar yang akan mengambil SPM pada tahun ini. Mereka ini merupakan prospek UNISEL dalam usaha universiti ini untuk melahirkan Tahfiz yang profesional. Bagi pengambilan 2018, pihak Smart Tahfiz sudah menerima sebanyak 233 permohonan. Terdapat 3 siri ujian kelayakan dibuat dan akan diadakan pada 7 Okt, 11 November dan 8 Disember.

- b) UNISEL telah melakukan penstrukturan semula bagi pembayaran hutang secara "*direct negotiation*". Penjadualan semula pembayaran hutang ini dibuat secara berperingkat dan UNISEL komited terhadap semua hutang yang diwarisi.

Penjadualan semula hutang ini dijangka selesai menjelang bulan Ogos 2017. UNISEL berjaya menyelesaikan semua tunggakan hutang sejak dahulu. Hutang jangka panjang pula adalah melalui pembayaran berjadual oleh Kerajaan Negeri.

Selain itu, UNISEL juga telah menjalankan langkah penjimatan yang drastik bagi mengurangkan kos perbelanjaan operasi termasuk mengeluarkan tender secara terbuka bagi kerja-kerja pembersihan di Kampus Bestari Jaya dan Shah Alam, penstrukturan semula faedah perubatan staf yang mana telah memberi banyak penjimatan kepada kos perubatan staf dan menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih efisien.

Pengurusan Universiti juga memperkenalkan tugas secara '*multitasking*' di mana staf harus melakukan beberapa kerja yang diarah bagi mengoptimumkan fungsi staf dan mengurangkan pengambilan staf baharu.

Melalui rasionalisasi fakulti yang diperkenalkan pada pertengahan tahun 2016, UNISEL dapat membuat penjimatan di mana proses rasionalisasi yang menggabungkan lapan fakulti kepada empat fakulti sahaja dan

dengan ini juga fakulti mengalami proses penstrukturan tenaga akademik. Ianya melibatkan pengurangan pengambilan tenaga pengajar luar untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan ini berjaya menjimatkan kos operasi dan mengoptimalkan penggunaan staf akademik.

Dengan beberapa langkah penjimatan yang diperkenalkan sejak awal tahun 2016, prestasi kewangan UNISEL telah menampakkan kesan yang positif apabila draf audit bagi tahun 2016 menunjukkan perkembangan kewangan yang meyakinkan bahawa UNISEL mampu memperbaiki prestasi kewangannya.

- c) Universiti Selangor (UNISEL) telah berusia 18 tahun terus berusaha ke arah kecemerlangan, maka antara langkah bijak untuk menjadikan UNISEL sebagai universiti yang cemerlang dari segi akademik dan penyelidikan ialah dengan menubuhkan Pusat Kecemerlangan. Kebanyakan universiti-universiti utama di dunia mempunyai pusat seperti ini. Universiti telah memperuntukkan sebanyak RM300,000 untuk Geran Bestari.

Pusat Kecemerlangan ditubuhkan bagi membantu melonjakkan nama UNISEL dalam semua bidang. Di bawah Pusat Kecemerlangan terdapat lapan (8) institut iaitu :

- i. Institut Bio-IT Selangor (Bio-IT),
- ii. Institut Kajian Malaysia-Indonesia (IKMI),
- iii. Institut Maqasid Syariah (INSMAQ),
- iv. Institut Epistemologi Ilmu Islam dan Pembaharuan Kurikulum (IIECR),
- v. Institut Kejuruteraan Sukan (ISE),
- vi. Institut Kajian Pilihan Raya dan Pemajuan Demokrasi (IESAD) dan;
- vii. Institut Halal Antarabangsa;
- viii. Institut Sains Bumi dan Teknologi Alam Sekitar (ESET)

Bagi i) Institut Bio-IT dan ii) IKMI yang terlebih dahulu diwujudkan telah menjalankan pelbagai kerjasama dan aktiviti sehingga nama UNISEL telah dikenali di universiti-universiti luar negara seperti *University of Oxford, University of Cambridge, University of Manchester, University of Petra, King Abdullah University of Science and Technology, Universiti Teknologi Bandung, Universiti Andalas* dan lain-lain lagi.

Enam institut yang agak baru diwujudkan juga telah mula menjalankan aktivitinya yang tersendiri yang turut membantu meningkatkan nama UNISEL dalam kalangan masyarakat luar. Setiap institut turut merancang pelbagai aktiviti dan program yang melibatkan pelajar, pensyarah dan masyarakat luar. Program-program yang sedang diatur akan menambah ilmu pengetahuan,

memberi peluang menjalankan penyelidikan, melatih pelajar untuk berani memberikan pendapat dan sebagainya. Pendekatan program-program ini adalah “*contemporaneous*” sesuai dengan perubahan dan keperluan zaman.

Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dan sedang diatur oleh setiap institut bagi membantu UNISEL ke arah kecemerlangan.

iii) Institut Maqasid Syariah (Insmaq)

Sebagai sebuah institut di dalam pusat kecemerlangan, Institut Maqasid Syariah (INSMAQ) UNISEL bergerak dengan memulakan agenda menjalankan Wacana Maqasid berteraskan isu-isu semasa. Wacana pertama telah diadakan dan dibentangkan oleh Tokoh Maqasid Antarabangsa, iaitu Prof. Dr. Jasser Auda pada Februari 2017 bertajuk : *Education in Maqasid Perspective*. Beberapa wacana bertemakan Syariah dan Pembangunan Ummah sedang di dalam proses penganjuran dengan kerjasama *International Institute of Advanced Islamic Studies (AIS)*, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Jabatan Mufti Selangor dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

INSMAQ juga menekankan aspek penerbitan dan penterjemahan melalui buku bertajuk Negara Madani Menurut Maqasid tulisan Prof. Dr. Jasser Auda. Begitu juga agenda penterjemahan karya agung bertajuk Mausuh Qawaid Fiqhiyyah (Ensiklopedia Kaedah Fiqh) sebanyak 13 Jilid yang sedang giat dijalankan. Sementara itu, UNISEL juga melalui Institut Maqasid dalam rangka menubuhkan Regional Maqasid Resource Centre. Sebagai sebuah pusat yg mempunyai pusat maqasid, UNISEL sedang mengumpulkan bahan-bahan termasuk buku turath, kontemporari termasuk Jurnal dan kertas kerja yang berkaitan Maqasid Syariah. Pusat ini akan mampu menjadi one *stop centre* bidang maqasid bagi seluruh IPT di Malaysia.

iv) Institut Epistemologi Ilmu Islam Dan Pembaharuan Kurikulum (IIECR),

IIEECR telah memulakan perjalanan institut ini dengan menganjurkan satu program Perbincangan Meja Bulat dan Syarahan Umum oleh Dr. Ghazali Basri yang bertajuk “Pendidikan Islam: Huraian Konsep dan Aplikasi” yang telah diadakan pada 19 April 2017 di Dewan Canselor, Kampus Bestari Jaya.

Program yang kedua diadakan adalah *Staff Enhancement Series 1/2017* yang disampaikan oleh Prof.Dr. Mohamed Aslam Haneef yang bertajuk

Islamic Economics and Finance Education: Issues and Implications telah diadakan pada 3 Mei 2017 di UNISEL Shah Alam.

Beberapa program lain juga telah dirancang dan akan diadakan tidak lama lagi seperti Kerjasama Seminar dengan Institut Maqasid Syariah, penerbitan monograf *Staff Enhancement Series 2/2017* dan sebagainya.

Usaha-usaha di atas secara tidak langsung akan dapat menaikkan nama UNISEL sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan yang menitik beratkan nilai-nilai murni dalam kalangan pensyarah dan pelajar.

Selain itu, usaha yang dilakukan untuk menaikkan Ilmu Islam juga akan dapat membantu memperkembangkan UNISEL sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan di rantau Asia dan dunia kerana Epistemologi Ilmu Islam adalah sebuah cabang wacana akademik yang sentiasa diberi perhatian oleh sarjana-sarjana Islam di peringkat dunia.

v) Institut Kejuruteraan Sukan (ISE)

Institut kejuruteraan sukan atau nama singkatannya adalah ISE. Visi bagi ISE adalah untuk menjadi inisiatif inovasi dalam bidang sains fizikal manakala misinya adalah menggembelng semua sumber dan kecekapan untuk mencabar status quo penyelesaian kejuruteraan dalam sukan ke dalam inovasi untuk mencipta peluang yang baru.

Justifikasi bagi penubuhan ISE adalah merupakan satu peluang yang baik bagi Universiti Selangor untuk mengukuhkan dan menggunakan modal fizikal dan manusia yang menggabungkan peningkatan kerjasama antara sinergi kakitangan, industri dan masyarakat.

Ia memberi keyakinan kepada orang ramai, industri dan pihak berkepentingan dari dalam dan luar negara untuk menjalankan penyelidikan, pembangunan dan perniagaan bersama secara langsung dalam kluster perindustrian sukan di mana hasil penyelidikan dapat dikomersialkan dan mencapai pasaran dengan lebih cepat. Semua sumber yang ada dapat memberi manfaat besar untuk membangunkan penyelesaian kejuruteraan untuk meningkatkan sukan khususnya di Malaysia.

Projek-projek yang dijalankan adalah di bawah semangat kemunculan sukan di mana UNISEL akan menyediakan pengalaman dunia nyata untuk pelajar-pelajar dalam persekitaran kerja masyarakat yang menggunakan pengetahuan, sikap dan kemahiran yang diperoleh dalam

mana-mana projek yang dilaksanakan. Pengalaman penting ini harus menjadi komponen relevan dalam keperluan industri sukan.

Selaras dengan falsafah UNISEL *Leading Transformation* - projek yang dijalankan akan menunjukkan keupayaan pelajar untuk mensintesis dan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperolehi di bawah kemudahan dan keperluan sukan ke dalam isu dunia sebenar dan mencabar keupayaan untuk menang.

Objektif projek yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- A. Untuk memberi peluang kepada pelajar untuk mensintesis pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dari kursus / program mereka, pengalaman kepimpinan dan penglibatan ko-kurikulum dalam satu projek;
- B. Untuk menyediakan pelajar dengan kualiti kepimpinan di dunia global;
- C. Untuk meningkatkan kebolehan pasaran pelajar dengan membenarkan mereka mempamerkan pembelajaran, menyelesaikan masalah dalam dan masalah kemahiran kepimpinan setelah mereka lulus;
- D. Untuk membolehkan pelajar melanjutkan pengalaman akademik kepimpinan mereka ke bidang kepentingan mereka;
- E. Untuk memberi peluang kepada pelajar untuk memperbaiki kemahiran kepimpinan dan sikap yang baik serta menunjukkan kemahiran mereka;
- F. Untuk menunjukkan keupayaan pelajar untuk bekerja dalam kumpulan dan individu untuk mencapai projek sebenar, dan;
- G. Untuk membantu pelajar dalam menapis dan mengasah kepimpinan dalam senario organisasi.

Komponen-komponen Perniagaan

A. PUSAT AUTOMOTIF UNI-TAG:

1. Pusat Automotif	Akademi	Sebagai pusat menyediakan latihan kemahiran automotif dan "motorsport" dibawah inisiatif TVET
2. Pusat Automotif	Servis	Pusat pembangunan, penyelenggaraan dan khidmat kerja bagi komersial dan kenderaan-kenderaan khusus
3. Pusat "Motorbike"		Pusat R&D, penyambungan, penyelenggaraan & servis, dan kerja-kerja "testing" untuk motor lumba, superbike, ATV dan motorbike komersial
4. Pusat "Motorsport"		Pusat R&D, penyelenggaraan & servis &

		kerja-kerja “testing” untuk kereta lumba
5.	Pusat Basikal	Pusat penyelidikan, penyelenggaraan & servis & “testing” bagi “bike” komersial dan pertandingan perlumbaan “road/off road” “bike”
6.	Pusat “Motorbike” Elektrik	Pusat untuk eBike dibawah “dealership business model and sales distribution ship”, “authorized maintenance & services centre and R&D activities”
7.	Pusat Pembangunan “Parts”	Pusat Pembangunan bahagian automotif dan pelincir
8.	Pusat untuk “Parasports”	Pusat Pembangunan peralatan keperluan bagi seseorang yang kekurangan dari segi fizikal dicipta khas dan khusus mengikut keperluan mereka dalam sukan.
B: ACARA & “SPORTS-TOURISM”:		
9.	“Sports-Tourism”	“Lands for housing sports tourism, motorsport racing circuit, ATV, Motorcross, Go-cart Cycling and watersport activities (Jetski, Flying Board, Power Boat, Maintenance & Services Centre)”
10.	Acara Sukan	Kumpulan pengurusan bagi menguruskan dan membantu dalam acara sukan.

vi) **Institut Kajian Pilihan Raya Dan Pemajuan Demokrasi (IESAD)**

Institute of Electoral Studies and Advancement of Democracy (IESAD) telah dilancarkan pada 27 Februari 2017. Bersempena dengan pelancaran institut ini, sebuah forum yang bertajuk Wujudkah Demokrasi Sebenar di Malaysia turut diadakan dan saya merupakan salah seorang daripada panel jemputan. Sepanjang hampir lima bulan ditubuhkan, institut ini telah menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuklah Institut Darul Ehsan (IDE) khususnya dalam menjalankan kajian survei. Dalam aspek penyelidikan, IESAD juga telah menghasilkan Kajian Rintis Analitik *Big Data* Serta Analitik Sentimen bagi Isu-isu Berkaitan Politik Semasa. Sementara itu, aspek penerbitan juga dititik beratkan dan sehingga kini IESAD telah menerbitkan sebuah buku bertajuk “Islam, Demokrasi dan Politik Bangkangan di Malaysia” dan sebuah laporan bertajuk “Kajian Iklim

Politik Pilihan Raya di Sarawak dan Kaitannya dengan Senario Politik di Selangor". Penubuhan institut ini dilihat mampu bagi membantu menghasilkan kajian-kajian dalam usaha untuk menambah baik sistem pilihan raya di negara ini.

vii) Institut Halal Antarabangsa

Institut Halal Antarabangsa merupakan institut yang ditubuhkan oleh UNISEL dan turut diletakkan di bawah Pusat Kecemerlangan. Institut ini telah ditubuhkan pada 6 Jun 2017 bersempena dengan Syarahan Profesor Prof. Dato' Dr. Noor Inayah Yaakub yang diadakan di Hotel Concorde, Shah Alam. Institut ini telah mengorak langkah awal apabila telah menandatangani *Memorandum of Understanding (MoU)* dengan *Halal International Selangor* semasa penubuhannya. Modul Halal *Competent Technical Person* sedang diuruskan di bawah Ketua Program Pembangunan Profesional, En.Mohd. Sholihin Mohamad. Modul ini adalah sebagai T.O.T untuk pembangunan kapasiti dan profesional industri Halal. Satu pasukan penyelidikan dari UNISEL telah ditubuhkan untuk bidang berkaitan halal secara holistik. Sementara itu, satu perancangan berkenaan lokasi tapak penyelidikan halal di Pulau Indah telah dicadangkan kepada UNISEL oleh Spectrum Sdn Bhd.

viii) Institut Sains Bumi dan Teknologi Alam Sekitar (ESET)

Institut Sains Bumi dan Teknologi Alam Sekitar (ESET) ditubuhkan bagi menyahut gerakan Transformasi UNISEL dan saranan Y.Bhg. Dato' Presiden UNISEL supaya dipelbagaikan penyelidikan untuk turut melibatkan kumpulan sasaran di Negeri Selangor. Institut ini beroperasi di bawah Pusat Kecemerlangan UNISEL.

Arah tuju ESET adalah untuk melibatkan ramai pensyarah dalam dan luar UNISEL di dalam bidang kepelbagaian biodiversiti bahkan juga pensyarah dari bidang kejuruteraan dan teknikal dapat digabungkan.

Selain itu, ESET dapat bersaing dalam usaha mendapatkan lebih banyak dana penyelidikan dan pengurusan yang sedia ada di bawah Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi Negara.

Beberapa hasil kajian berkaitan tentang sains bumi dan alam sekitar telah berjaya ke jurnal antarabangsa. Antara jurnal-jurnal tersebut adalah seperti berikut:

1. *Journal of Coral Reefs*, DOI 10.1007/s00338-010-0618-1, 2010.
2. Kuwahara, V.S., R. Nakajima, B.H.R. Othman, **M.R.M. Kushairi**, and T. Toda, 2010. Spatial variability of UVR attenuation and bio-optical factors in shallow coral-reef waters of Malaysia.
3. *Sains Malaysiana* 39(3)(2010): 395-403, 2010
4. Yoshida, T., K Akagi, T. Toda, **M.M.R.Kushairi**, A.A.A.Kee and B.H.R. Othman, 2010. Evaluation of fish behavior and aggregation by underwater videography in an artificial reef in Tioman Island, Malaysia.
5. Visual Informatics, Springer-Verlag Berlin Heidelberg, ISBN 978-3-642-25190-0, LNCS 7066/2011. N. Shamsuddin, **Mohd Kushairi M. R.**, Wan Ahmad W. F., Baharudin B. & Farahwahida M., 2011. Image Enhancement of Underwater Habitat Using Color Correction Based on Histogram.
6. *Journal of Estuarine, Coastal and Shelf Science*, 126, 34-43, 2013.
7. Keiko Mizubayash, Victor S. Kuwahara, Thirukanthan C. Segaran, Kassim Zaleha, A.W.M.Effendi, **M.R.M. Kushairi** and Tatsuki Toda, 2013. Monsoon variability of ultraviolet radiation (UVR) attenuation and bio-optical factors in the Asian tropical coral-reef waters.
8. *Journal of Applied and Environmental Microbiology*, 79:23 (7160-7168), 2013.
9. Nobuyuki Kawasaki, N., K. Komatsu, A. Kohzu, N.Tomioka, R.Shinohara, T.Satou, F.N.Watanabe, Y.Tada, K.Hamasaki, **M.R.M. Kushairi** and A. Imai, (2013). [Bacterial contribution to dissolved organic matter in eutrophic Lake Kasumigaura, Japan.](#)
10. Marine Park Malaysia, Expert Group Meeting, Ministry of Natural Resource & Environment of Malaysia, Penang, 8-9 December, 2014.
11. **Kushairi, M.R.M.**, 2014. Spratly Island – Beyond scenic view and broadcasting.
12. *International Journal of Science: Basic and Applied Research (IJSBAR)*, Vol. 19, No 1, pp 27-36, 2015.
13. Mohd Fadzil, S.R., **M.R.M. Kushairi**, S. Mohd Nasir, A.H. Ainil Hawa and A.H.Faiza Riza, 2015. The effective of detritus balls on cockle (*Anadara granosa*) growth.

Di bawah Pusat Kecemerlangan ini beberapa aktiviti ilmiah Universiti telah diadakan antaranya adalah :

1. Syarahan Profesor – Setiap professor di UNISEL dikehendaki membentangkan kajian ilmiah mereka dan syarahan pertama dimulai pada 6 Jun 2017, di Hotel Concorde Shah Alam oleh Prof Dato Dr Noor Inayah Yaakub. Ia akan diikuti dengan syarahan berikutnya oleh Prof.Dr Shahrudin bin Badarudin pada 15 Disember 2017.Syarahan Profesor ini diadakan secara berkala yang bakal menampilkan semua professor di universiti ini;
2. Siri Syarahan Awam Darul Ehsan (Darul Ehsan Public Lecture Series) – Syarahan ini bersifat kontemporari yang akan mengupas isu-isu semasa Kerajaan Negeri Selangor. Syarahan pertama dimulai dengan Prof. Dr. Mohd.Faiz Abdullah, Dekan Selangor Business School, UNISEL pada 19 September 2017. Ceramah bertajuk “*Propelling Selangor’s Transformation Into A Regional Smart State*”. Ceramah yang banyak mengetengahkan bagaimana Selangor mengatur Transformasi Negeri Selangor menuju Negeri Pintar di Rantau ini;
3. *STAFF ENHANCEMENT SERIES 3/2017* – sebanyak enam siri disediakan untuk tahun 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PUSAT HIBURAN

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini pusat hiburan berlesen dan tidak berlesen serta statistik arahan tutup pusat hiburan dari 2014-2017.
- b) Apakah faktor menyebabkan Kerajaan Negeri tidak mampu menutup terus pusat hiburan haram?
- c) Apakah langkah drastik bagi mengelakkan pusat hiburan berlesen menyalahgunakan lesen tersebut?

JAWAPAN:

- a) Jumlah terkini pusat hiburan berlesen dan tidak berlesen serta statistik arahan tutup pusat hiburan dari 2014-2017 mengikut PBT adalah seperti Jadual 1:

Jadual 1 : Jumlah terkini pusat hiburan berlesen dan tidak berlesen serta statistik arahan tutup pusat hiburan dari 2014-2017

PBT	TAHUN	JUMLAH BERLESEN	JUMLAH TIDAK BERLESEN	JUMLAH PREMIS YANG DIARAH TUTUP
MBSA	2014	3	91	1
	2015	10	56	
	2016	11	61	
	Oktober 2017	9	35	
MBPJ	2014	183	78	59
	2015	213	55	29
	2016	250	14	27
	Oktober 2017	246	60	134

PBT	TAHUN	JUMLAH BERLESEN	JUMLAH TIDAK BERLESEN	JUMLAH PREMIS YANG DIARAH TUTUP
MPK	2014	90	31	0
	2015	73	28	0
	2016	86	30	0
	Oktober 2017	143	45	0
MPAJ	2014	66	187	0
	2015	52	48	0
	2016	63	67	0
	Oktober 2017	45	96	0
MPSJ	2014	151	18	18
	2015	144	42	42
	2016	154	57	57
	Oktober 2017	152	35	35
MPS	2014	55	45	1
	2015	68	43	2
	2016	80	52	4
	Oktober 2017	67	30	10
MPKJ	2014	47	25	0
	2015	35	45	0
	2016	38	61	0
	Oktober 2017	41	62	0

PBT	TAHUN	JUMLAH BERLESEN	JUMLAH TIDAK BERLESEN	JUMLAH PREMIS YANG DIARAH TUTUP
MPSP	2014	25	2	2
	2015	25	1	1
	2016	26	0	0
	Oktober 2017	26	0	0
MDKL	2014	20	0	0
	2015	22	0	0
	2016	24	0	0
	Oktober 2017	27	3	0
MDHS	2014	7	0	0
	2015	7	0	0
	2016	7	0	0
	Oktober 2017	0	0	0
MDKS	2014	14	0	0
	2015	18	0	0
	2016	10	0	2
	Oktober 2017	14	0	0
MDSB	2014	31	1	1
	2015	31	2	2
	2016	28	10	10
	Oktober 2017	18	18	18
JUMLAH		1638	1534	455

Nota : Sumber data daripada PBT

- b) Permintaan tinggi dari pengunjung pusat hiburan serta keuntungan yang tinggi menjadikan pusat hiburan haram terus beroperasi. Namun demikian, pemantauan dan tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa.

- c) PBT telah menetapkan syarat-syarat pematuhan bagi setiap lesen Pusat Hiburan yang telah diluluskan. Sekiranya didapati terdapat premis Pusat Hiburan melanggar syarat pematuhan yang dikeluarkan, tindakan penguatkuasaan dan pembatalan lesen akan dikenakan terhadap premis berkenaan. PBT mengenakan tindakan ke atas pusat hiburan tanpa lesen dengan mengambil tindakan sitaan hiburan dan penutupan premis di bawah Seksyen 6(1) Enakmen Hiburan Seksyen 1995 (pindaan 2001) iaitu mengadakan aktiviti hiburan tanpa lesen. Tindakan sekatan lesen juga boleh dilaksanakan ke atas premis hiburan yang melanggar syarat-syarat lesen.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan bagaimanakah prestasi perbelanjaan peruntukan MARRIS tahun 2017?
- b) Sila nyatakan jumlah peruntukan MARRIS yang diterima oleh semua PDT dan PBT bagi tahun 2017.
- c) Sila huraikan apakah kekangan dan halangan yang menyebabkan masih wujud kelewatan pelaksanaan projek MARRIS?

JAWAPAN:

a) dan b)

Sebagai makluman, Kerajaan Negeri menerusi Perbendaharaan Negeri telah meluluskan sejumlah **RM600 juta** sebagai Siling Peruntukan MARRIS Tahun 2017. Perbendaharaan Negeri selanjutnya menerima permohonan secara *case by case basis* dari agensi pelaksana untuk mendapatkan Siling Tambahan berjumlah **RM 20,790,428.40**. Sehubungan itu, Siling Peruntukan MARRIS Tahun 2017 (Dikemaskini) sehingga 15 Oktober 2017 adalah berjumlah **RM 620,790,428.40**.

Secara keseluruhan, prestasi perbelanjaan peruntukan MARRIS tahun 2017 telah pun mencapai 85% dari jumlah siling dikemaskini berdasarkan perbelanjaan oleh agensi pelaksana seperti perincian di jadual di bawah:-

Jadual 1:**Ringkasan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan MARRIS Tahun 2017 Mengikut Agensi Pelaksana**

Bil.	Agensi Pelaksana	Siling Asal (RM)	Tambah/ Kurang (RM)	Siling Dikemaskini (RM)	Perbelanjaan (RM)	(%)
1.	Pejabat Daerah / Tanah (PDT)	29,696,557.00	(2,000,000.00)	27,696,557.99	21,208,705.06	76.6
2.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	372,303,443.00	20,790,428.40	393,093,871.40	348,082,437.59	88.5
3.	JKR Selangor	196,000,000.00	0.00	196,000,000.00	154,673,046.66	78.9
4.	JPS Selangor	2,000,000.00	2,000,000.00	4,000,000.00	3,505,152.38	87.6
	JUMLAH BESAR	600,000,000.00	20,790,428.40	620,790,429.39	527,469,341.69	85.00

Nota:-

1. Perbelanjaan bagi PDT, PBT dan JPS Selangor merujuk kepada nilai Surat Setuju Terima (SST) yang telah diaward kepada kontraktor.
2. Perbelanjaan bagi JKR Selangor adalah pembayaran sebenar kepada kontraktor mengikut nilai kerja yang telah siap disempurnakan.

- c) Berdasarkan rekod Perbendaharaan Negeri, berikut adalah Status Kemajuan Fizikal bagi projek MARRIS tahun 2017 yang dikendalikan mengikut agensi pelaksana:-

STATUS KEMAJUAN FIZIKAL							
Bil.	Agensi Pelaksana	Bil. Projek	BM	DJ	IJ	LJ	SS
1	Pejabat Daerah / Tanah	313	9	0	95	0	209
			2.88%	0.00%	30.35%	0.00%	66.77%
2	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	976	26	0	245	47	658
			2.66%	0.00%	25.10%	4.82%	67.42%
3	Jabatan Pengairan & Saliran Selangor (JPS)	43	0	0	26	0	17
			0.00	0.00	60.47%	0.00	39.53%
4	Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor	303	62	0	58	0	183
			20.46%	0.00	19.14%	0.00	60.39%
	JUMLAH	1,635	97	0	424	47	1067
			5.93%	0.00%	25.93%	2.87%	65.26%

Petunjuk:-

BM – Belum Mula, DJ – Dahulu Jadual, IJ – Ikut Jadual, LJ - Lewat Jadual, SS – Siap Sepenuhnya.

Secara keseluruhannya, prestasi kemajuan fizikal adalah baik dan memuaskan. Pencapaian ini adalah susulan dari penetapan *Key Performance Indicator (Kpi)* oleh Kerajaan Negeri iaitu 85% dari siling yang diperuntukkan harus dibelanjakan pada tanggal 30 September 2017 serta garis panduan jadual pelaksanaan seperti berikut:-

Tempoh	Sasaran Pelaksanaan
Oktober – Disember (3 bulan)	Penyediaan inventori projek dan <i>Bill Of Quantities (BQ)</i> oleh agensi pelaksana.
Januari – Mac (3 bulan)	Proses perolehan secara sebut harga dan tender oleh agensi pelaksana
April – September (6 bulan)	Pelaksanaan projek secara fizikal di tapak

Sungguhpun begitu, Kerajaan Negeri mendapati masih terdapat projek yang dilaksanakan secara fizikal melepasi bulan September setiap tahun. Kelewatan penyiapan bagi projek-projek yang dimaksudkan adalah secara umumnya dipengaruhi oleh kekangan dan halangan seperti berikut:-

- (i) Pada asasnya projek yang dilantik kontraktor perlu diawasi. Namun begitu, pengawasan di tapak pula perlu disesuaikan dengan bilangan kakitangan dengan latar belakang teknikal yang kompeten di peringkat agensi pelaksana untuk mengelak isu kualiti projek yang tidak memuaskan. Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa sesetengah agensi pelaksana berhadapan dengan sumber tenaga kerja yang terhad;
- (ii) Terdapat kes di mana agensi pelaksana mengulangi semula proses perolehan untuk mengoptimumkan baki peruntukan atau penjimatan selepas perolehan yang direkodkan pada kadar kira-kira 20% dari anggaran kos projek;
- (iii) Tahun 2017 adalah tahun pertama di mana agensi pelaksana seperti Pejabat Daerah / Tanah (PDT) menerima siling mengikut panjang jalan (km) yang didaftarkan dalam Sistem MARRIS Online. Agensi pelaksana bagi PDT Sabak Bernam misalnya mengambil masa untuk menyemak dan mewujudkan senarai projek mengikut keperluan sebenar di tapak berikutan siling berjumlah RM13,125,113.11 pada tahun 2017 adalah melebihi nilai projek semasa yang telah diinventorikan;
- (iv) Manakala, terdapat beberapa kes terpencil yang lain di mana projek terpaksa dibatalkan berikutan pertindihan projek dengan agensi lain di tapak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : KAWALAN PENGUATKUASAAN KERJA-KERJA KOREKAN DAN
PENGELUARAN TANAH MERAH BUKIT DI DUN MERU**

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah garis panduan kawalan kecerunan korekan bukit, aliran air hujan dan baik pulih alam sekitar selepas korekan?
- b) Apakah agensi penguat kuasa kerja-kerja korekan adalah mematuhi permit?
- c) Bagaimanakah dipastikan kawalan muatan lori keluar tidak melebihi muatan jalan dilalui tidak memberi kesan kerosakan jalan?

JAWAPAN:

- a) Garis panduan kawalan kecerunan korekan bukit, aliran air hujan dan baik pulih alam sekitar selepas korekan boleh dirujuk ke agensi yang berkaitan agensi seperti JMG, PBT, JKR, JPS. Sebarang permohonan dan kelulusan yang diberikan perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh agensi tersebut.
- b) PDTK melaksanakan semakan dan pemantauan berkenaan pengeluaran bahan batuan yang telah diluluskan melalui semakan docket yang dikeluarkan. Sebarang pengeluaran bahan batuan yang tidak mematuhi syarat-syarat yang telah diluluskan oleh PDTK dan agensi, boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan seperti pemberitahuan kerja tanah.
- c) Kawalan muatan lori yang melibatkan pengeluaran bahan batuan dibuat dengan kerjasama JPJ atau SPAD dalam operasi pemantauan dan risikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : NAIK TARAF JALAN FT3209 JALAN KAWASAN PERINDUSTRIAN
RAWANG**

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah bahagian Jalan FT3209 daripada simpang LAFARGE sehingga PETRONAS selepas Tol Rawang akan dinaiktarafkan?
- b) Senaraikan permohonan yang dibuat oleh JKR Selangor kepada Kementerian Kerja Raya untuk naik tarafkan Jalan FT3209.
- c) Adakah Kerajaan Selangor boleh naik tarafkan Jalan FT3209?

JAWAPAN:

- a) Jalan FT3209 yang dimaksudkan adalah Jalan Persekutuan. Pihak JKR Negeri Selangor telah mengemukakan permohonan projek ini melalui pihak Cawangan Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia kepada pihak Kementerian Kerja Raya seterusnya kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dalam Rolling Plan 3, RMKe-11.
- b) Pihak JKR Selangor telah mengangkat permohonan menaik taraf jalan FT3209 melalui Cawangan Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia pada bulan Januari 2017.
- c) Kerajaan Selangor boleh menaik taraf Jalan FT3209 atas persetujuan bersama kedua-dua pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan selaras dengan Akta Jalan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : SKIM SMART-SEWA

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah penyewa yang menerima manfaat skim ini mengikut tempoh?
- b) Nyatakan lokasi rumah dan jumlah unit untuk yang mengikuti skim ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga hari ini, sebanyak 861 unit rumah mampu milik dengan kos RM123.14 juta telah pun diproses untuk pemilikan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan syarikat Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) dilantik sebagai agen pengurusan bagi melancarkan pelaksanaan skim ini. Sehingga kini 220 iaitu sebanyak 26 peratus unit rumah telah sedia untuk disewakan dengan kadar sewaan daripada RM550.00 sebulan sehingga RM650.00 sebulan. Manakala sehingga hujung tahun ini sebanyak 111 unit lagi dijangka akan disediakan dan sedia untuk disewakan manakala bakinya sebanyak 530 unit dijangka dapat disediakan untuk disewakan mulai tahun 2018 hingga 2020.
- b) Lokasi projek Skim Smart Sewa yang telah siap dan disewakan kepada orang awam adalah seperti berikut:

Bil.	Projek	Bil Unit
1.	Pangsapuri Tun Teja, Alam Impian	5
2.	Pangsapuri @ Jalan Keretapi Lama, Kapar	64
3.	Pangsapuri Rimba Jaya, Shah Alam	41
4.	Pangsapuri Taman Damai Utama, Puchong	110
Jumlah		220

Sehingga hujung tahun ini sebanyak 111 unit lagi seperti berikut dijangka akan disediakan :

Bil.	Projek	Lokasi	Bil Unit
1.	Pangsapuri Arista, Bandar Parklands	Klang	11
2.	Pangsapuri Azaria, Bandar Parklands	Klang	50
3.	Pangsapuri Asteria, Bandar Parklands	Klang	50
Jumlah			111

Manakala senarai projek Skim Smart Sewa yang dalam proses untuk pemilikan dan status projek masih dalam pembinaan sebanyak 530 unit dijangka dapat disediakan untuk disewakan mulai tahun 2018 hingga 2020 seperti berikut:

Bil.	Projek	Lokasi	Bil Unit
1.	Bandar Bukit Raja Fasa 17B	Bukit Raja	50
2.	Apartment Trifolis	Klang	30
3.	Jade Hills Jenis A	Kajang	10
4.	Jade Hills Jenis B	Kajang	10
5.	Jade Hills Jenis C	Kajang	10
6.	Jade Hills Jenis D	Kajang	30
7.	Bandar Seri Coalfields	Ijok	10
8.	Pangsapuri Taming Mutiara	Cheras	30
9.	Taman Puchong Utama Jenis B	Puchong	30
10.	Taman Puchong Utama Jenis C	Puchong	30
11.	Pangsapuri Seri Akasia	Puchong	40
12.	Emira @ TTDI Grove	Kajang	10
13.	Setia Eco Templar A	Rawang	10
14.	Setia Eco Templar C	Rawang	30
15.	Pangsapuri De Bayu	Setia Alam	30
16.	Pangsapuri De Kiara	Setia Alam	30
17.	Pangsapuri Seroja	Setia Alam	20
18.	Pangsapuri Subang Bestari	Subang	30
19.	Bandar Rimbayu A	Kuala Langat	40
20.	Bandar Rimbayu B	Kuala Langat	50
Jumlah			530

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : STATUS TERKINI PEMBINAAN LADANG KHINZIR MODEN
DI SELANGOR**

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini cadangan untuk memusatkan kesemua ladang daging khinzir di daerah Sepang dan Kuala Langat?

JAWAPAN:

- a) Bagi pelaksanaan penternakan khinzir secara moden atau *Modern Pig Farming (MPF)*, Kerajaan Negeri tiada halangan dengan keputusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia yang telah mengeluarkan satu dasar agar semua negeri melaksanakannya pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, bagi pembinaan sebuah ladang khinzir moden secara bersepadu di Ladang Tumbok, Daerah Kuala Langat, Kerajaan Negeri pada dasarnya bersetuju dengan konsep tersebut. Namun begitu, penilaian cadangan dari pihak yang berminat dari segi konsep pembinaan dan juga keupayaan kewangan masih lagi di peringkat penelitian oleh Kerajaan Negeri. Ini adalah kerana perkara utama yang amat dititikberatkan oleh Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan pihak-pihak yang berkepentingan memperoleh manfaat atau situasi 'menang-menang' atas cadangan projek jika ianya dilaksanakan. Dari segi kos pelaksanaan pula, Kerajaan Negeri sama sekali tidak akan mengeluarkan sebarang peruntukan memandangkan ianya akan dilaksanakan secara *Private Finance Initiative (PFI)*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PERLAKSANAAN PROGRAM 'ZERO WASTE' DI MBSA

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha MBSA untuk melaksanakan program 'Zero Waste'?
- b) Berapakah peruntukan disediakan untuk melaksanakan program 'Zero Waste'?

JAWAPAN:

- a) Dalam melaksanakan konsep *Zero Waste*, MBSA telah merangka pelbagai pelan jangka panjang ke arah pelaksanaan konsep ini melalui :

1. Penyediaan Pelan Induk Pengurusan Sisa Pepejal Shah Alam

- Pelan induk ini merangkumi setiap aspek di dalam pengurusan sisa iaitu bermula daripada penghasilan sisa kepada kutipan sisa, stesen pemindahan, pengasingan sisa, rawatan dan akhirnya pelupusan. Peranan pelan induk ini adalah untuk melibatkan penggunaan teknologi dan memperkasakan amalan 3R sebagai salah satu kaedah di dalam pengurusan sisa yang efisien. Selain itu, ia melibatkan setiap peringkat dan lapisan masyarakat serta multi agensi di dalam kawasan pentadbiran Shah Alam dilibatkan di dalam pengurusan sisa pepejal yang mampan dan bertanggungjawab ke atas sisa yang dihasilkan.

2. Polisi 3R

- Polisi ini diwujudkan sebagai garis panduan pelaksanaan amalan 3R oleh setiap lapisan masyarakat dan setiap premis kediaman, komersial, industri yang beroperasi di kawasan Shah Alam. Polisi ini turut merangkumi peranan agensi kerajaan dan swasta dalam memperkasakan dan membudayakan amalan 3R.

3. Pelan Perancangan Strategik MBSA (2016-2020)

- Pelan ini digubal untuk memastikan MBSA sentiasa relevan dan efektif dengan mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada masyarakat, meningkatkan tadbir urus dan memenuhi kehendak masyarakat pada masa kini.

Melalui penyediaan pelan jangka panjang ini, **sasaran MBSA** adalah untuk:

- i. Mengurangkan sisa yang dijana oleh setiap penduduk Shah Alam yang mana pada masa kini seorang individu menghasilkan jumlah sisa 1.5kg/seorang.
- ii. Mengurangkan kos pengurusan dan pelupusan sisa pepejal yang perlu ditanggung oleh MBSA.
- iii. Meningkatkan peratusan kitar semula Shah Alam dari 5% kepada 20% menjelang 2020.
- iv. Menggunakan teknologi dalam usaha mengurangkan sisa yang dilupuskan ke tapak pelupusan secara tidak langsung memanjangkan hayat tapak tersebut.
- v. Menggunakan sisa yang dijana dan dilupuskan sebagai salah satu sumber tenaga yang dapat dimanfaatkan oleh MBSA dan warga Shah Alam khususnya.

MBSA komited di dalam melaksanakan program '*Zero Waste*' untuk Shah Alam yang mana pelbagai program telah dilaksanakan bagi mencapai konsep '*Zero Waste*' ini. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Program Pengurangan Sisa

- Kempen Bebas *Polistrene*

MBSA telah melaksanakan program ini bermula pada tahun 2016 dan pada 2017 semua premis gerai milik MBSA telah diarahkan tidak menggunakan *polistrene* sepenuhnya. Selain itu, program ini melibatkan semua premis makanan milik persendirian yang beroperasi di kawasan Shah Alam.

- Kempen Bebas Plastik

Program bebas plastik beg ini merupakan inisiatif pihak kerajaan negeri yang mana MBSA telah melaksanakan program di seluruh premis perniagaan milik MBSA dan premis perniagaan milik persendirian yang beroperasi di kawasan Shah Alam bermula pada tahun 2017.

- Program Hijrah Hijau

Merupakan program yang dilaksanakan secara usaha sama dengan pihak Jabatan Agama Islam Selangor melibatkan masjid dan surau di Shah Alam yang mana program ini telah dilaksanakan pada tahun 2016. Memberi Fokus Kepada 7 Teras Iaitu:-

- Menerapkan amalan 3R (*Reduce, Reuse & Recycle*)
- Kesedaran Tentang Penjimatan Penggunaan Air
- Kesedaran Tentang Penjimatan Penggunaan Elektrik
- Amalan Eco-5S
- Membantu Memelihara Alam Sekitar
- Bertukar Kepada ECO Menu@Menu Sihat
- Mengamalkan Gaya Hidup Lestari

- **Program Mini Zee Bee**

Program ini telah diperkenalkan pada tahun. Merupakan satu pertandingan bagi merebut Anugerah Kejiranan Hijau – Zon Bersih Mini MBSA. Pertandingan ini disediakan untuk Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSA. Mini Zee Bee diperkenalkan bagi membudayakan kebersihan sebagai amalan seharian serta mempromosikan amalan inisiatif hijau. Menjadikan agenda kebersihan sebagai asas perpaduan dan keselamatan komuniti

ii. **Program Pengasingan Sisa**

- **Pengasingan Sisa dari Punca**

MBSA telah mengambil langkah dengan melaksanakan program pengasingan sisa dari rumah secara projek rintis bermula pada Oktober 2015 yang melibatkan 5 lokasi dan penglibatan sejumlah 1,849 unit rumah '*landed*'. Pada Oktober 2016, MBSA telah melanjutkan program ini bagi fasa ke 2 dan melibatkan 5 lokasi dan sejumlah 3,500 unit rumah '*landed*'. Pada tahun 2018, pihak MBSA merancang untuk melaksanakan program pengasingan sisa dari rumah di seluruh kawasan Shah Alam melibatkan semua premis di kawasan Shah Alam.

- **Tong Pengumpulan Pakaian Terpakai**

Program ini telah dilaksanakan secara usaha sama dengan Syarikat *Life Line Clothing Malaysia Sdn. Bhd.* bermula pada tahun 2016. Pihak syarikat telah membekalkan tong koleksi pengumpulan pakaian terpakai di beberapa lokasi di Shah Alam. Sehingga kini terdapat sejumlah 15 tong pengumpulan ditempatkan di kawasan Shah Alam untuk kemudahan penduduk.

- **Pengumpulan E-Waste**
MBSA telah menjalankan kempen kesedaran pembuangan sisa elektronik (*E-Waste*) di kalangan masyarakat dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar pada tahun 2016. Edaran *pamphlet* berkenaan menguruskan sisa ini telah diedarkan untuk pengetahuan penduduk. Penduduk boleh menghantar *e-waste* mereka terus ke pusat kitar semula milik MBSA. Pada tahun 2017, MBSA telah menjalinkan usaha sama dengan pihak Syarikat Jaring Metals Sdn Bhd sebagai pusat pengumpulan dan pemprosesan *e-waste* Shah Alam.

iii. Program Kitar Semula

- **Kempen Kitar Semula Peringkat Sekolah**
Telah dilaksanakan bermula pada tahun 2007 sehingga kini dengan kerjasama pihak Syarikat Fraser & Neave Holdings yang mana Syarikat Fraser & Neave Holdings ini merupakan penaja hadiah wang tunai untuk sekolah yang memenangi pertandingan. Tujuan kempen ini dilaksanakan adalah untuk menggalakkan dan membudayakan amalan kitar semula di peringkat awal usia kanak-kanak.
- **Kempen Kitar Semula Peringkat MPP (Majlis Perwakilan Penduduk)**
Telah dilaksanakan bermula pada tahun 2010 sehingga kini melibatkan 24 MPP Shah Alam. Tujuan kempen ini dilaksanakan adalah untuk menggalakkan dan membudayakan amalan kitar semula di peringkat penduduk.
- **Kempen Kitar Semula Peringkat Bangunan Wisma MBSA**
Telah dilaksanakan bermula pada tahun 2010 sehingga kini melibatkan semua Jabatan Di Bangunan MBSA dan penyewa. Tujuan kempen ini dilaksanakan adalah untuk menggalakkan dan membudayakan amalan kitar semula di peringkat warga kerja dan penjawat awam.
- **Pusat Kitar Semula**
MBSA telah menyediakan 5 lokasi pusat kitar semula yang berdekatan dengan kawasan kediaman penduduk untuk memudahkan penduduk menghantar barang kitar semula. Lokasi pusat kitar semula Shah Alam adalah seperti berikut:
 - Pusat Kitar Semula Seksyen 6
 - Pusat Kitar Semula Seksyen 11

- Pusat Kitar Semula Seksyen 17
- Pusat Kitar Semula Seksyen 25
- Pusat Kitar Semula Seksyen U8

- **Penempatan Tong Kitar Semula MBSA**

Ke arah usaha mempertingkatkan kadar peratus kitar semula Shah Alam, pihak MBSA telah menempatkan tong kitar semula di beberapa lokasi di kawasan pusat bandar. Kutipan bahan kitar semula di tong ini dilaksanakan dengan kekerapan 1x seminggu iaitu setiap hari Khamis oleh Inhouse MBSA. Lokasi penempatan tong kitar semula di kawasan pusat bandar Shah Alam adalah seperti berikut :

- *Bus stop* hadapan kompleks PKNS, Jalan Persiaran Dato' Menteri
- *Bus stop* hadapan kompleks PKNS, Jalan Persiaran Tasik
- Hentian Bas Pusat Bandar Shah Alam, Seksyen 14
- *Bus stop* Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran
- Tingkat LG Wisma MBSA

- **Program Pengumpulan Minyak Masak Terpakai**

Telah dilaksanakan secara usaha sama dengan Syarikat Uni10 Energy Sdn Bhd bermula pada tahun 2016 yang mana minyak masak terkumpul di proses kepada *biodiesel*. Pihak MBSA sedang dalam kajian bagi menggunakan *biodiesel* yang dihasilkan untuk kegunaan pihak MBSA.

- **Program Larian Kitar Semula & Jalan Santai 10,000 Langkah**

MBSA telah menganjurkan program Larian Kitar Semula dan Jalan Santai 10,000 Langkah yang mana yuran penyertaan berupa barang-barang kitar semula. Melalui pelaksanaan program ini secara tidak langsung dapat mempromosikan amalan kitar semula di samping menggalakkan peserta untuk mengamalkan dan membudayakan amalan 3R.

- ***Eco Free Market***

Melalui program Hari Tanpa Kenderaan, MBSA menganjurkan *Eco Free Market* ini yang mana secara tidak langsung mengurangkan sisa yang dilupuskan ke tapak pelupusan, membentuk masyarakat yang prihatin dan membentuk masyarakat yang tidak membazir.

iv. **Pengkomposan**

- **Pengkomposan Sisa Makanan**

Sisa makanan mencatatkan peratusan tertinggi dalam komposisi sisa yang dijana yang mana 45% daripada sisa pepejal merupakan sisa makanan. Untuk mengurangkan sisa makanan yang dilupuskan ke tapak pelupusan, MBSA telah merancang untuk menggunakan teknologi pengkomposan sisa makanan di pasar dan gerai milik MBSA. Disasarkan bermula pada tahun 2016 sehingga 2021, 2 unit mesin pengkomposan sisa akan ditempatkan di pasar dan gerai milik MBSA. Pada tahun 2016, 2 unit mesin pengkomposan sisa makanan telah di tempat di Pasar Seksyen 16. Manakala pada tahun 2017, sejumlah 5 unit mesin pengkomposan sisa makanan telah di pasang iaitu 1 unit di pasar seksyen 16 dan 4 unit di gerai Seksyen 7, 11, 19 & 24.

- **Pengkomposan Sisa Kebun**

Dilaksanakan secara *inhouse* oleh MBSA di mana pusat pengkomposan ini terletak di Seksyen 17. Sisa kebun diperolehi daripada kerja-kerja cantasan pokok dan landskap Shah Alam. Baja kompos yang dihasilkan digunakan semula untuk tanaman landskap Shah Alam dan penduduk yang menjalankan program kebun komuniti. Baja ini turut disalurkan ke sekolah yang terlibat di dalam program kebun komuniti @mysekolah.

v. **Pendidikan Alam Sekitar**

- **Program Pembersihan Sungai**

MBSA telah melaksanakan program ini pada tahun 2016 melibatkan pelajar IPTA / IPTS yang mana antara aktiviti yang dijalankan adalah membersihkan pesisir sungai dan menanam pokok-pokok. Melalui aktiviti tersebut bahan kitar semula dapat dikumpulkan dan pesisir sungai menjadi lebih bersih.

- **Kem Kesedaran Alam Sekitar**

Bermula pada tahun 2016, MBSA telah melaksanakan program kem kesedaran alam sekitar yang mana peserta terdiri daripada pelajar sekolah berusia 10 – 15 tahun. Peserta didedahkan dengan kaedah pengurusan sisa yang betul, amalan 3R dan menghargai alam sekitar.

- **Kebun Komuniti @mysekolah**
Bagi menggalakkan amalan hijau di kalangan awal usia kanak-kanak, MBSA telah melaksanakan program ini. Penyertaan terdiri daripada sekolah-sekolah di Shah Alam. Setiap sekolah dibekalkan dengan pokok buah-buahan dan sebagainya serta diberi maklumat berkaitan kaedah penanaman dan penjagaan kebun tersebut.

- **Green Initiative For Taska**
Bagi memperkasakan amalan hijau di peringkat Taska, MBSA telah melaksanakan GIFT yang mana amalan hijau serta konsep 3R turut ditekankan di dalam program ini. Pendidik taska diberi pendedahan berkaitan info dan maklumat tentang kaedah pengurusan sisa serta berseronok di dalam menjalankan aktiviti kitar semula bersama kanak-kanak taska (*Have fun with recycle*).

vi. Promosi

- Penggunaan Bill Board
 - Laman Web, FB, Twitter
 - Media cetak & elektronik
 - Kenderaan Milik MBSA
- Penggunaan media cetak dan media elektronik adalah bertujuan untuk mempromosikan setiap program yang dirancang oleh pihak MBSA ke arah menjadikan Shah Alam bersih, indah dan lestari. Kenderaan milik MBSA dipasang dengan pelekat yang mempromosikan tentang 3R, pengurusan sisa yang betul, info berkaitan denggi dan sebagainya.

b) MBSA telah memperuntukkan sejumlah peruntukan bagi melaksanakan program Zero Waste. Jumlah peruntukan yang telah disediakan untuk melaksanakan program 'Zero Waste' adalah seperti berikut :

BIL	PERKARA	JUMLAH PERUNTUKKAN
1.	Program Pengurangan Sisa	10,000.00
2.	Kempen kebersihan dan 3R	200,000.00
3.	Program Pengasingan Sisa dari Rumah	100,000.00
4.	Pengkomposan Sisa	500,000.00
5.	Pendidikan Alam Sekitar	20,000.00

BIL	PERKARA	JUMLAH PERUNTUKKAN
6.	Penyediaan Pusat Kitar Semula	20,000.00
7.	Pembelian plastik biodegradable	75,000.00
8.	Promosi & Percetakkan	25,000.00
JUMLAH		950,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PAYA INDAH WETLAND

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pembangunan kawasan ini sudah mula dilaksanakan?
- b) Nyatakan secara terperinci pecahan jenis pembangunan yang bakal dibangunkan di kawasan itu.
- c) Nyatakan kesan langsung pembangunan ini terhadap Paya Indah Wetland.

JAWAPAN:

- a) Belum dilaksanakan – Pemaju hanya menjalankan kerja-kerja pengawalan kebakaran melalui kaedah “*Earth Capping*” yang telah mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Daerah Kuala Langat.
- b) Komponen pembangunan yang diluluskan secara dasar adalah seperti berikut:

PERUMAHAN

KOMPONEN PEMBANGUNAN	UNIT	%	EKAR	%
Rumah Kluster (32' X 75')	280	3.34	13.21	0.86
Rumah Kluster (32' X 75')	629	10.50	44.24	2.89
Rumah Teres (32' X 70')	57	0.86	3.63	0.24
Rumah Teres (26' X 80')	84	1.27	4.81	0.31
Rumah Teres (24' X 80')	341	5.17	19.24	1.26
Rumah Teres (26' X 65')	477	7.24	22.05	1.44
Rumah Teres (24' X 65')	785	11.91	33.26	2.17
Rumah Teres (22' X 75')	306	4.64	14.18	0.93

KOMPONEN PEMBANGUNAN	UNIT	%	EKAR	%
Rumah Sesebuah (60' X 100')	30	0.46	4.52	0.30
Rumah Sesebuah (55' X 100')	63	0.96	8.31	0.54
Rumah Berkembar (40' X 90')	156	2.37	14.70	0.96
Rumah Berkembar (40' X 80')	84	1.27	7.12	0.47
Rumah Selangorku (Jenis B,C,D)	1929	29.27	29.74	1.95
Rumah Selangorku (Jenis A,B,C,D)	1366	20.73	21.46	1.40
Jumlah Kecil	6590	100.00	240.47	15.72

PERNIAGAAN

KOMPONEN PEMBANGUNAN	PLOT	EKAR	%
Plot Pembangunan Komersil -1	1	4.51	0.30
Plot Komersil Bercampur - 1b	1	34.76	2.27
Plot Pembangunan Komersil - 3b1	1	18.79	1.23
Plot Pembangunan Komersil - 3b2	1	7.67	0.50
Plot Pembangunan Komersil - 3b3	1	6.96	0.43
Plot Pembangunan Komersil -3c1	1	7.27	0.48
Plot Pembangunan Komersil - 3c2	1	16.10	1.05
Plot Pembangunan Komersil – 3d	1	65.94	4.31
Plot Pembangunan Komersil - 4b	1	17.29	1.13
Plot Pembangunan Komersil - 5a1	1	32.50	2.12
Plot Pembangunan Komersil - 5a2	1	29.67	1.94
Plot Pembangunan Komersil - 6a1	1	17.02	1.11
Plot Pembangunan Komersil - 6a2	1	9.95	0.65
Plot Pembangunan Komersil - 6a3	1	10.53	0.69
Plot Pembangunan Komersil - 6b1	1	8.53	0.56

KOMPONEN PEMBANGUNAN	PLOT	EKAR	%
Plot Pembangunan Komersil - 6b2	1	16.86	1.10
Plot Pembangunan Komersil – 6c	1	5.00	0.33
Plot Pembangunan Komersil – 7a	1	71.64	4.68
Jumlah Kecil	18	380.65	24.89

INSTITUSI / KEMUDAHAN AWAM

KOMPONEN PEMBANGUNAN	UNIT	EKAR	%
Sekolah Menengah	3	24.00	1.57
Sekolah Rendah	4	20.00	1.31
Tadika	7	3.66	0.24
Surau	6	3.17	0.21
Pusat Komuniti Dan Perpustakaan Awam	2	4.50	0.29
JMB / Pejabat Pengurusan	4	0.95	0.06
Masjid	1	3.00	0.20
Dewan	1	0.86	0.05
Hospital / Pusat Kesihatan	1	10.00	0.65
Rizab Kubur Islam	1	10.45	0.68
Rizab kubur bukan Islam	1	4.75	0.31
Balai Polis - Kad	1	5.09	0.33
Balai Bomba – Kad	1	2.50	0.16
Rizab Agama Bukan Islam (Ribi)	6	3.90	0.25
Jumlah Kecil	38	96.83	6.33

KAWASAN LAPANG

KOMPONEN PEMBANGUNAN	UNIT	EKAR	%
Kawasan Lapang		82.97	5.43
Taman Tempatan		59.69	3.90
Zon Penampian		8.39	0.55
Jumlah Kecil		151.05	9.88

INFRASTRUKTUR

KOMPONEN PEMBANGUNAN	UNIT	EKAR	%
Kolam Takungan Air		101.83	6.59
Rizab Parit		24.85	1.63
Rizab Tangki Air	2	6.36	0.42
Stesen Rawatan Kumbahan	1	13.65	0.89
Pencawang Masuk Utama	2	26.46	1.73
Pencawang Pengagih Utama	3	2.29	0.15
Pencawang Elektrik	20	1.21	0.08
Rizab Utiliti	-	3.46	0.23
Rizab Rentis TNB	-	58.46	3.82
Stesen Pam	4	2.54	0.17
Jalan raya	-	420.47	27.49
Jumlah Kecil	31	660.58	43.18
JUMLAH KESELURUHAN		1529.58	100.00

- c) Tiada kesan langsung pembangunan ini terhadap Paya Indah Wetland di mana cadangan pembangunan ini telah dibincangkan dalam mesyuarat berikut:
- i. Laporan *Detailed Enviromental Impact Assessment* (Laporan EIA Terperinci dan telah mendapat kelulusan oleh Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat,Putrajaya melalui surat rujukan AS(PN) 50/011/100/338 () bertarikh 10.02.16.
 - ii. Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar Negeri Selangor Bil. 5/2016 pada 5 Oktober.2016 telah bersetuju terhadap permohonan ini tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PILIHAN RAYA Pengerusi Jawatankuasa KEMAJUAN DAN
KESELAMATAN KAMPUNG DI NEGERI SELANGOR**

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keputusan pilihan raya terkini?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memperluaskan pilihan raya kepada semua Kampung di Selangor?

JAWAPAN:

a) dan b)

1. Kerajaan Negeri sebelum ini telah melaksanakan projek perintis Pemilihan Pengerusi JKKK Kg. Baru/ Bagan/ Tersusun Negeri Selangor di tiga (3) buah kampung, iaitu **Kg. Baru Sungai Jarum, Kg. Baru Pandamaran** dan **Kg. Bagan Pulau Ketam** pada September 2013. Ketiga-tiga projek ini telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya tanpa apa-apa halangan dan mendapat sambutan penduduk tempatan. Tempoh perkhidmatan bertugas secara rasmi Pengerusi JKKK yang dilantik secara pemilihan ini bermula pada 23 Oktober 2013 sehingga 22 Oktober 2017. Oleh yang demikian, pilihan raya semula sepatutnya dilaksanakan selepas tarikh penamatan perkhidmatan Pengerusi JKKK yang berkenaan.
2. Namun demikian, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Kali Ke-32/2017 yang diadakan pada 4 Oktober 2017 dan telah disahkan melalui MMKN Kali Ke-33/2017 pada 11 Oktober 2017 telah menimbang dan meluluskan cadangan perlanjutan semula tempoh perkhidmatan kesemua 77 orang Pengerusi JKKK Kg. Baru/ Bagan/ Tersusun Negeri Selangor Sehingga 30 Jun 2018.
3. Keputusan perlanjutan semula tempoh perkhidmatan Pengerusi JKKK Kg. Baru/ Bagan/ Tersusun Negeri Selangor ini adalah bertujuan bagi memastikan pentadbiran Kerajaan Negeri terus fokus dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dengan lancar dan berkesan.

4. Meskipun demikian, Kerajaan Negeri melihat pelaksanaan Projek Perintis Pemilihan Pengerusi JKKK Kg Baru/ Bagan/ Tersusun Negeri Selangor yang telah dilaksanakan di tiga (3) buah kampung, iaitu Kampung Baru Sungai Jarum, Kampung Baru Pandamaran dan Kampung Bagan Pulau Ketam adalah satu kejayaan di mana pemilihan ketua kampung ini juga telah mendapat sambutan yang amat baik daripada penduduk tempatan. Justeru itu, Kerajaan Negeri masih optimis untuk meneruskan dan mengembangkan kaedah pelantikan Pengerusi JKKK Kampung Baru/ Bagan/ Tersusun ini secara pemilihan di lain-lain kampung baru/ bagan/ tersusun di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diperhalusi semula dari pelbagai sudut sebelum dilaksanakan secara menyeluruh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : KAWASAN PAJAKAN LOMBONG KUARI DALAM DUN RAWANG

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan nama syarikat,lot tanah serta tempoh pajakan untuk lombong kuari dalam Rawang.
- b) Apakah syarat-syarat yang dikenakan terhadap tanah pajakan kuari kepada APMC dan LAFARGE untuk lanjutan tempoh pajakan?
- c) Apakah perancangan pemulihan dan pemeliharaan alam sekitar yang dikenakan terhadap syarikat kuari?

JAWAPAN:

- a) Berikut merupakan senarai nama syarikat, lot tanah serta tempoh pajakan untuk lombong dan kuari di Rawang:

i. Pajakan melombong

Nama Syarikat	Lot Tanah	Tempoh Pajakan
Associated Pan Malaysia Cement Sdn Bhd (APMC)	Lot 20146	Pajakan Melombong ML3/2015 Tempoh pajakan: 21 tahun Tarikh habis tempoh: 25 April 2025

ii. Pajakan kuari

Nama Syarikat	Lot Tanah	Tempoh Pajakan
TQ Kuari Sdn. Bhd.	Mukim Rawang, Daerah Gombak Lot 5004 Lot 5005 Lot 5006 Mukim Rawang, Daerah Ulu Selangor Lot 4750 Lot 4751 Lot 4752	Hakmilik kekal
Sunway Quarry Industries Sdn. Bhd.	Mukim Rawang, Daerah Gombak Lot 14256 Lot 14257	Hak milik kekal
Kuari Permata Sdn Bhd *Tiada LAQ dikeluarkan	Mukim Rawang, Daerah Gombak Lot 4745 Lot 4746 Lot 4747 Lot 4748 Lot 4749 Lot 4753 Lot 4754 Lot 4755 Lot 4756	Hak milik kekal
Sri Rawang Properties Sdn Bhd Operator: Hanson Quarry Product Sdn. Bhd.	Lot 1506	Hak milik kekal. Pajakan kepada operator kuari daripada Januari 2015 sehingga 2025

- b) Syarat-syarat yang dikenakan kepada APMC selaku pemegang pajakan melombong (ML3/2015) untuk permohonan pelanjutan pajakan adalah :

Menurut Enakmen Mineral (Selangor) 2000 , Perkara 66 subseksyen (1) menyatakan suatu pajakan melombong hendaklah diberikan selama hayat ekonomi maksimum lombong atau pengendalian melombong itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tetapi tidak boleh melebihi suatu tempoh permulaan selama dua puluh satu tahun. Di dalam kes ML3/2015 yang diberikan atas nama penerima pajak, Associated Pan Malaysia Cement Sdn. Bhd. (APMC), tarikh pendaftaran pajakan adalah 26 April 2004 dan tarikh habis pajakan adalah pada 25 April 2025.

Perkara 66 subseksyen (2), Enakmen Mineral (Selangor) 2000, turut menyatakan bahawa suatu pajakan melombong boleh diperbaharui keseluruhannya atau sebahagiannya selama tempoh berdasarkan hayat ekonomi lombong atau pengendalian melombong itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tetapi pembaharuan ini tidak boleh melebihi dua puluh satu tahun.

Permohonan untuk memperbaharui suatu pajakan melombong hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam bentuk yang ditetapkan sekurang-kurangnya dua belas bulan sebelum habis tempoh pajakan melombong itu. Perkara ini dinyatakan di dalam Perkara 66 subseksyen (3) Enakmen Mineral Selangor (2000). Pengarah dalam enakmen ini membawa maksud Pengarah Tanah dan Galian Negeri yang dilantik di bawah Seksyen 12 Kanun Tanah Negara dan termasuklah Timbalan Pengarah Tanah dan Galian yang dilantik di bawahnya.

Jika permohonan untuk memperbaharui suatu pajakan melombong dibuat kepada Pengarah sekurang-kurangnya dua belas bulan sebelum habis tempoh pajakan itu, Pengarah hendaklah, dalam masa enam bulan dari tarikh pendaftaran permohonan pembaharuan pajakan melombong, membaharui pajakan itu jika:

- a) Penerima pajak telah mematuhi terma atau syarat yang dinyatakan dalam pajakan asal;
- b) Penerima pajak telah mematuhi kehendak enakmen ini;
- c) Penerima pajak boleh menunjukkan sehingga memuaskan hati Pengarah bahawa terdapat rizab mineral yang mewajarkan suatu pembaharuan atau terdapat keperluan untuk mengekalkan harta itu untuk digunakan sebagai suatu bahagian integral pengendalian melombong di atas lombong yang bersempadanan; dan

- d) Dalam hal suatu permohonan untuk membaharui pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar, suatu pelan pemulihan lombong yang diubahsuaikan telah diluluskan.

Jika permohonan pembaharuan pajakan melombong ditolak oleh Pengarah, penolakan tersebut hendaklah disampaikan kepada penerima pajak tersebut secara bertulis dengan menyatakan sebab-sebab penolakan. Perkara ini telah dinyatakan dalam Perkara 66 subseksyen (6), Enakmen Mineral Selangor (2000). Namun demikian, rayuan bertulis boleh dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri jika terdapat mana-mana pihak yang terkilan dengan keengganan Pengarah untuk membaharui pajakan melombong.

Pengarah juga dikehendaki dengan seberapa segera yang praktik selepas permohonan untuk membaharui pajakan melombong itu diluluskan, untuk melakukan suatu pengendorsan kepada kelulusan itu. Pengendorsan kelulusan membaharui pajakan melombong tersebut hendaklah di buat di bawah tandatangan dan meterainya, termasuk tarikh baru habis tempoh pajakan melombong tersebut untuk direkodkan dalam daftar.

Jika permohonan untuk membaharui pajakan melombong tersebut dibuat kepada Pengarah sekurang-kurangnya dua belas bulan sebelum habis tempoh pajakan dan pajakan tersebut sepatutnya habis tempoh jika tidak kerana subseksyen ini, maka dengan itu, pajakan tersebut hendaklah terus berkuat kuasa berkenaan dengan tanah yang dimaksudkan dalam permohonan tersebut sehinggalah permohonan pembaharuan tersebut ditentukan.

Namun yang demikian, jika permohonan membaharui pajakan melombong ini dibuat kurang dari dua belas bulan sebelum habis tempoh pajakan, Pengarah mempunyai kuasa untuk menimbang bagi memberi kelulusan kepada permohonan itu jika ianya memenuhi syarat yang dinyatakan dalam subseksyen (5). Pengarah juga dikehendaki untuk mengenakan suatu fi pengemukaan lewat ke atas penerima pajak itu, apabila pajakan diperbaharui, mengikut apa-apa amaun yang ditetapkan.

- c) Perancangan pemulihan dan pemeliharaan alam sekitar yang ditetapkan terhadap syarikat kuari adalah bersifat progresif ataupun bergerak seiringan dengan pembangunan dan operasi sesebuah kuari. Kesemua kuari di Rawang adalah di bawah hak milik kekal dan perancangan bagi sesuatu tanah selepas aktiviti kuari tamat adalah terletak kepada perancangan pihak tuan tanah tetapi pada masa yang sama masih tertakluk kepada undang-undang tempatan. Buat masa kini, tiada kewajipan di bawah Kaedah-kaedah Kuari Selangor 2003 bagi pemulihan alam sekitar bagi operasi kuari.

Perancangan pemulihan yang ditetapkan kepada pengusaha kuari adalah lebih berbentuk kepada kerja-kerja rehabilitasi kawasan yang telah dan sedang diusahakan. Kerja rehabilitasi kuari akan dijalankan seiringan dengan operasi sesuatu kuari.

Manakala perancangan pemeliharaan alam sekitar yang ditetapkan kepada pengusaha kuari adalah meliputi pemeliharaan dari segi udara, air dan estetika (pandangan). Di antara langkah kawalan alam sekitar yang ditetapkan kepada pengusaha kuari adalah :

- i. Kawalan reka bentuk peletupan bagi aktiviti peletupan bahan batuan bagi menjamin keselamatan dari impak batuan terbang, gegaran dan ledakan udara.
- ii. Kawalan dan pengurusan sisa yang meliputi tanah beban (*overburden*), air larian permukaan (*surface run off*) dari bukit atau muka kuari, sisa buangan domestik dan sisa buangan berjadual.
- iii. Kawalan dan pengurusan debu dari aktiviti kilang penghancur dan pensaizan batuan, aktiviti muka kuari dan lain-lain.
- iv. Kawalan dan pengurusan air seperti penyediaan kolam perangkap mendap, *oil trap* dan lain-lain lagi.
- v. Kawalan daripada pencemaran estetika dengan menggalakkan pengusaha melakukan program penghijauan kawasan tidak aktif/cerun dengan kaedah *hydroseeding*, penanaman pokok hiasan, landskap dan lain-lain sekali gus mampu membantu mengawal kestabilan cerun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : SELANGOR INTERNATIONAL EXPO 2017

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah negara, syarikat, pengunjung, transaksi jualan dan sebagainya yang terlibat dalam Selangor International Expo 2017.
- b) Adakah Selangor International Expo 2017 mencapai sasarannya? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

JAWAPAN:

- a) **Selangor International Expo 2017** (edisi ke – 3) yang memberi fokus kepada industri sains hayat, makanan dan minuman serta produk dan perkhidmatan Halal, telah berjaya menarik seramai **449 gerai pameran** yang melibatkan **193 syarikat/organisasi** dari dalam dan luar negara yang turut melibatkan penyertaan dari **21 buah negara**. **Selangor International Expo 2017** telah berjaya menarik seramai **16,694 pengunjung** dengan potensi **nilai transaksi sebanyak RM204,211,000**.
- b) **Selangor International Expo 2017** telah mencapai sasarannya seperti jadual berikut berbanding pencapaiannya pada tahun 2016 :

Selangor International Expo	2016	2017
Jumlah negara	15	21
Jumlah gerai pameran	525	449
Jumlah syarikat/organisasi	373	193
Jumlah pengunjung	10,689	16,694
Nilai transaksi	RM112 juta	RM204 juta

Dengan pencapaian ini, menunjukkan negeri Selangor terus diyakini oleh para pelabur dari dalam dan luar negara untuk menjalinkan kerjasama industri dan perdagangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : LALUAN KEDUA BUKIT TANDANG PUCHONG

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kesulitan yang dihadapi dalam perihal pembinaan Laluan Kedua Bukit Tandang Puchong?
- b) Apakah langkah untuk mempercepat pembinaan laluan tersebut demi kemudahan penduduk sekitar?
- c) Apakah langkah alternatif untuk menyelesaikan kesesakan lalu lintas sekiranya laluan tersebut gagal dibina dengan segera?

JAWAPAN:

- a) Kesulitan yang dihadapi dalam pembinaan laluan kedua Bukit Tandang Puchong ialah mendapatkan lokasi laluan yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan penduduk sekitar. Terdapat beberapa cadangan laluan alternatif yang dikemukakan memerlukan persetujuan beberapa pihak berkuasa seperti Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan KESAS.
- b) Langkah yang diambil untuk mempercepat pembinaan laluan tersebut ialah dengan mendapatkan peruntukan yang secukupnya bagi menampung kos pembinaan kerana kos sumbangan pemaju masih belum mencukupi.
- c) Tindakan alternatif yang diambil ialah menyediakan laluan alternatif sementara merentasi Sungai Klang (Laluan Alternatif melibatkan lokasi di rizab sungai JPS) Kos pembinaan jambatan merentasi Sungai Klang melebihi RM 10 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : HIGH SPEED RAIL

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini cadangan projek ini.
- b) Adakan terdapat sebahagian jajarannya yang melalui kawasan DUN Dengkil?
- c) Adakah terdapat sesi penerangan dan perbincangan bersama penduduk dilakukan berkaitan proses pengambilalihan tanah yang bakal dilakukan?

JAWAPAN:

Melalui penelitian saya, dua soalan telah ditanyakan tentang perkara berkaitan projek Keretapi Berkelajuan Tinggi (*High Speed Rail* – HSR). Soalan-soalan tersebut datangnya dari:

No Soalan	Nama ADUN	Tajuk Soalan
133	Tanjung Sepat	INFRASTRUKTUR a) Adakah kerajaan Selangor telah dimaklumkan tentang cadangan jajaran terkini Projek High Speed Rail melalui Negeri Selangor? b) Apakah kerajaan telah bersetuju dengan cadangan tersebut? c) Apakah bentuk penyelesaian isu pengambilan tanah penduduk yang terlibat?

Izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dengkil dan Yang Berhormat Tanjung Sepat berhubung status pelaksanaan projek Keretapi Berkelajuan Tinggi (*High Speed Rail* – HSR) Kuala Lumpur – Singapura.

- a) Pelaksanaan projek Keretapi Berkelajuan Tinggi (*High Speed Rail*- HSR) Kuala Lumpur ke Singapura yang melibatkan sebahagian kawasan di dalam Negeri Selangor telah dibentangkan kepada Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) ke 21/2016 pada 23 Jun 2016 oleh MyHSR Corp.
- b) Berdasarkan keputusan MMKN tersebut yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke 22/2016 pada 13 Julai 2016, Kerajaan Negeri mengambil maklum dan memutuskan bahawa jajaran koridor berkenaan belum dimuktamadkan. MyHSR hanya dibenarkan untuk mengemukakan permohonan di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi membolehkan kajian tapak dibuat. Pada masa ini, pihak MyHSR Corp. masih belum membentangkan hasil kajian kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan selanjutnya.
- c) Merujuk kepada isu pengambilan tanah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dengkil dan Yang Berhormat Tanjung Sepat, perkara ini hanya akan dapat dilaksanakan setelah lot-lot yang terlibat dengan cadangan jajaran dikenalpasti, iaitu setelah pembentangan mengenai hasil kajian dibuat oleh MyHSR kepada Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PERMOHONAN TANAH DI KAMPUNG

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kriteria untuk memohon tanah di kampung.
- b) Senaraikan jumlah tanah kampung tradisi dan kampung baru yang telah di luluskan sejak tahun 2013 sehingga kini.
- c) Senaraikan tanah yang telah di luluskan kepada pemohon bukan orang kampung dan jelaskan sebabnya, jika ada.

JAWAPAN:

- a) Kriteria yang ditetapkan dalam permohonan pemberimilikan tanah kerajaan adalah tanah yang telah lama diduduki atau didiami dan pemohon adalah pihak yang berkelayakan seperti yang telah diperuntukkan di dalam Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

Berdasarkan Pekeliling PTGS bil. 6/2011 (Garis Panduan Skim Pemberimilikan Tanah Kerajaan untuk tujuan bangunan kediaman persendirian di Negeri Selangor), pengusaha asal yang telah mengusahakan atau menduduki tanah sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pada tarikh 1 Januari 2008 adalah berkelayakan diberikan kelulusan permohonan. Bagi membantu mereka, Kerajaan Negeri telah memberikan pilihan kaedah pembayaran premium tanah melalui dua (2) kaedah yang telah ditetapkan.

Selain daripada kriteria-kriteria atau syarat-syarat di atas, Kerajaan Negeri juga boleh mempertimbangkan kelulusan pemberimilikan kepada pemohon yang memohon tapak kediaman secara berkelompok atau individu. Asas pertimbangan yang akan diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri adalah berdasarkan objektif berikut:-

- i. Menyelesaikan masalah orang ramai berkaitan ketidakmampuan menjelaskan bayaran premium tanah;
- ii. Memberi peluang kepada rakyat Negeri Selangor membuat pilihan untuk menentukan kaedah pembayaran premium mengikut kemampuan masing-masing;

- iii. Membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan isu pendudukan setingan di atas tanah kerajaan ; dan
- iv. Mempertingkatkan aspek Urus Tadbir dalam Pentadbiran dan Pengurusan Tanah Negeri Selangor.

Skim pemberimilikan kediaman melalui Pekeliling PTGS Bilangan 6/2011 (garis Panduan Skim Pemberimilikan Tanah Kerajaan untuk tujuan bangunan kediaman persendirian di Negeri Selangor) yang menawarkan dua pilihan kaedah bayaran sama ada bayaran nominal RM1,000.00 atau diskaun 30% daripada bayaran premium yang dikenakan sekiranya dalam tempoh notis.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah memberi pilihan kaedah bayaran kepada pemohon untuk menjelaskan bayaran premium melalui Pekeliling PTGS Bil. 1/2016 (kaedah pembayaran premium dan premium tambahan ke atas kelulusan permohonan pemberimilikan dan pembangunan tanah di Negeri Selangor) seperti berikut:-

- i. Melanjutkan tempoh bayaran premium dan premium tambahan seperti berikut:-

Pembayaran premium Notis Borang 5A	12 bulan
Pembayaran premium tambahan Notis Borang 7G	6 bulan + 1 bulan (tambahan caj 3%)

- ii. Pengurangan bayaran premium sehingga 42% melalui pemendekan tempoh pegangan pajakan daripada 99 tahun kepada 60 tahun.

- b) PTGS telah melakukan semakan ke atas semua daerah yang terlibat iaitu Klang, Hulu Selangor, Kuala Langat, Kuala Selangor, Gombak dan Sabak Bernam. Hasil semakan tersebut mendapati sebanyak **seratus enam belas (116) Kampung Baru dan tiga (3) hak milik** yang melibatkan **Bagan** mengikut daerah seperti berikut:-

Daerah	Kampung Baru (Jumlah Hak milik)	Bagan (Jumlah Hak milik)
Klang	3	Tiada
Hulu Selangor	4	Tiada
Kuala Langat	4	Tiada

Daerah	Kampung Baru (Jumlah Hak milik)	Bagan (Jumlah Hak milik)
Kuala Selangor	50	3
Selangor	Tiada	Tiada
Hulu Langat	Tiada	Tiada
Gombak	5	Tiada
Sabak Bernam	50	Tiada
Petaling	Tiada	Tiada
Jumlah keseluruhan	116	3

Sumber : Pejabat Tanah dan Daerah (PTD)

- c) Tanah-tanah yang diluluskan kepada pemohon bukan orang kampung kebiasaannya diberikan kepada Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor untuk dibangunkan berpandukan kepada Dasar perumahan mampu milik di Negeri Selangor melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dengan menawarkan rumah Selangorku dengan harga serendah RM42,000. Sebagai contoh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Menteri Besar Integrated (MBI), Permodalan Nasional Berhad (PNSB) dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : PUSAT JUDI

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini pusat judi berdaftar dan tidak berdaftar di Selangor mengikut PBT?
- b) Nyatakan jumlah penguatkuasaan Kerajaan Negeri ke atas pusat judi haram dari 2014-2017 mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) PBT tidak melesenkan sebarang pusat perjudian selain permohonan lesen premis perniagaan yang dipohon mempunyai Lesen/ Permit Operator Perjudian daripada Kementerian Kewangan Malaysia dan permit daripada PDRM di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953, Akta Pertaruhan 1953, Akta Pertaruhan Pool 1967 atau Akta Loteri 1952, contohnya seperti rumah kelab dan kedai nombor ramalan. Bagi penguatkuasaan, PBT bergantung kepada pihak PDRM untuk menentukan sama ada premis terlibat menjalankan aktiviti berunsur perjudian atau sebaliknya. Jumlah terkini **pusat judi berdaftar di Selangor adalah sebanyak 253 premis.**
- b) Hasil pemantauan oleh PBT, dianggarkan sebanyak **854 buah premis** (seperti di jadual 1) yang disyaki sebagai premis judi telah dikenal pasti dan telah melaporkannya kepada PDRM untuk siasatan dan tindakan lanjut. Sekiranya didapati melanggar peraturan, PBT mempunyai kuasa untuk menyita peralatan premis perniagaan di bawah Undang-Undang Kecil Tred Dan Perniagaan 2007. Pada tahun 2014 dianggarkan sebanyak **14,968 unit** peralatan bagi tujuan judi telah disita antaranya seperti peralatan komputer dan sebagainya; pada tahun 2015 dianggarkan sebanyak **1,418 unit**; tahun 2016 dianggarkan sebanyak **6,870 unit** dan sehingga bulan September 2017 dianggarkan sebanyak **6,651 unit** (seperti Jadual 2).

Jadual 1 : Jumlah terkini pusat judi berdaftar dan tidak berdaftar di Selangor mengikut PBT

PBT	JUMLAH PUSAT JUDI BERDAFTAR	ANGGARAN PUSAT JUDI TIDAK BERDAFTAR
MBSA	2	25
MBPJ	63	0

PBT	JUMLAH PUSAT JUDI BERDAFTAR	ANGGARAN PUSAT JUDI TIDAK BERDAFTAR
MPK	68	0
MPAJ	45	155
MPSJ	6	648
MPS	0	26
MPKJ	45	0
MPSP	0	0
MDKL	12	0
MDHS	5	0
MDKS	0	0
MDSB	7	0
JUMLAH	253	854

Sumber: Semua PBT Negeri Selangor PBT

Jadual 2 : Anggaran Jumlah Sitaan Peralatan Berkaitan Judi Haram

PBT	ANGGARAN JUMLAH SITAAAN PERALATAN BERKAITAN JUDI HARAM OLEH PBT NEGERI SELANGOR			
	2014	2015	2016	2017 (Sept)
	Bil. Sitaan Peralatan	Bil. Sitaan Peralatan	Bil. Sitaan Peralatan	Bil. Sitaan Peralatan
MBSA	6,415 unit	437 unit	1,922 unit	1,550 unit
MBPJ	781 unit	50 unit	165 unit	94 unit
MPSJ	7,694 unit	903 unit	4,746 unit	4,941 unit
MPAJ	78 unit	28 unit	31 unit	60 unit
MDKS	Tiada	Tiada	6 unit	6 unit
MPKj	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
MPS	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
MPK	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
MPSP	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
MDKL	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
MDSB	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada

PBT	ANGGARAN JUMLAH SITAAN PERALATAN BERKAITAN JUDI HARAM OLEH PBT NEGERI SELANGOR			
	2014	2015	2016	2017 (Sept)
	Bil. Sitaan Peralatan	Bil. Sitaan Peralatan	Bil. Sitaan Peralatan	Bil. Sitaan Peralatan
MDHS	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
JUMLAH	14,968	1,418	6,870	6,651

Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PEMBAIKAN PADANG-PADANG DAN GELANGGANG-GELANGGANG
YANG ROSAK**

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah kerja-kerja pembaikan padang bermasalah air bertakung boleh siap seperti padang di Jalan 16, Taman Putra?
- b) Bilakah kerja-kerja pembetulan dan pembaikan gelanggang boleh di siap sepertimana gelanggang futsal Jalan Kencana 22, Taman Kencana dan Gelanggang Bola Keranjang Jalan 16, Taman Putra?

JAWAPAN:

- a) Padang bola tersebut masih baik cuma apabila hujan lebat, air akan bertakung di dalam kawasan padang kerana padang awam tersebut tidak mempunyai longkang bawah tanah. Walau bagaimanapun MPAJ telah menambak padang tersebut dengan pasir pada tahun 2016 bagi mengurangkan masalah air bertakung. Perancangan untuk membuat longkang bawah tanah memerlukan kos yang tinggi. MPAJ akan laksanakan sekiranya ada peruntukan.
- b) MPAJ sedang dalam perancangan dan dalam tindakan pembaikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : MUZIUM PERMAINAN TRADISIONAL DI BUKIT MALAWATI, KUALA
SELANGOR**

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kenapa muzium alat permainan tradisional di Bukit Malawati Kuala Selangor tidak beroperasi sehingga kini?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini kerja-kerja pengisian dan persiapan pameran masih lagi berjalan. Kerja-kerja pengisian kini berada di fasa penyediaan ilustrasi yang mana pihak PADAT baharu sahaja mendapatkan khidmat pelukis digital yang akan melukis ilustrasi jenis-jenis permainan tradisional tersebut dan kerja lukisan ilustrasi ini dijangka akan siap sepenuhnya pada 31 Oktober 2017. Satu sebut harga untuk kerja-kerja grafik dan percetakan serta penyediaan *props* untuk pameran muzium akan ditawarkan kepada pembekal pada bulan Januari 2018. Muzium ini dijangka akan dibuka kepada pengunjung pada pertengahan tahun 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : STATUS PELAKSANAAN PENYELESAIAN YANG DICAPAI PADA
7 APRIL 2016 DAN 23 MEI 2016 TENTANG MASALAH PEMINDAHAN
PENEROKA-PENEROKA DI JALAN PAPAN DAN JALAN BUKIT
KERAYONG**

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selepas penyelesaian dicapai pada 7/4/2016 dan 23/5/2016, tidak dilihat sebarang kemajuan di tapak projek. Apa yang telah berlaku tentang perkara ini?
- b) Apakah Rakyat berkenaan kini menunggu?
- c) Bila Rakyat berkenaan dapat menandatangani perjanjian jual beli dengan harga belian RM99,000.00?

JAWAPAN:

- a) Pembangunan fizikal di tapak tidak boleh dilaksanakan kerana tiada sebarang kelulusan pelan-pelan pembangunan dikeluarkan. Ini adalah kerana, pihak pemaju/perunding masih belum mematuhi sepenuhnya syarat-syarat kelulusan dasar keputusan OSC ke atas permohonan kebenaran. Perunding/pemaju masih belum mendapatkan ulasan/sokongan dari beberapa Jabatan Teknikal yang berkaitan.
- b) Tiada sebarang pemindahan dibuat/dilaksanakan ke atas peneroka dan peneroka kekal seperti sediakala di tapak. Sebarang tawaran kepada peneroka atau arahan berpindah kepada yang layak akan dilakukan setelah pemajuan di tapak siap.
- c) Penandatangani perjanjian jual beli adalah bergantung kepada kemajuan dan pencapaian perunding / pemaju dalam memastikan keseluruhan pelan-pelan pembangunan diluluskan oleh Majlis dan pemaju akan menjalankan kerja-kerja pembangunan di tapak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PELABURAN

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila Kemukakan jumlah pelaburan domestik yang diperolehi sehingga bulan September 2017?
- b) Sila kemukakan Jumlah pelaburan luar yang diperolehi sehingga bulan September 2017?
- c) Apakah usaha promosi pelaburan yang dijalankan bagi memastikan Negeri Selangor terus menjadi pilihan utama pelabur?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh Januari hingga Jun 2017 sebanyak **87 projek perkilangan** telah diluluskan di Negeri Selangor dengan **jumlah modal pelaburan** sebanyak **RM 1,705,855,394**. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM 870,837,572 (51%)** adalah daripada **pelaburan tempatan**.
- b) Bagi tempoh Januari hingga Jun, sebanyak RM 1,705,855,394 jumlah modal pelaburan telah direkodkan hasil daripada kelulusan projek-projek perkilangan di Selangor. Dari jumlah tersebut sebanyak **RM 835,017,822 (49%)** adalah daripada pelaburan asing.
- c) Bagi menarik lebih banyak pelaburan ke Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor memberi tumpuan untuk menarik pelaburan dalam industri berteknologi tinggi. Antara industri yang diberikan tumpuan utama seperti berikut;-
 - i. Elektrik & Elektronik (*Electrical & Electronics*).
 - ii. Peralatan Pengangkutan (*Transport Equipments*).
 - iii. Sains Hayat (*Life Sciences*).
 - iv. Makanan (*Food Industries*).
 - v. Mesin & Peralatan (*Machinery & Equipments*).

Daripada beberapa sektor industri utama tersebut, beberapa bidang industri tumpuan telah dikenal pasti berpotensi untuk berkembang di negeri Selangor seperti;-

- i. *e-Commerce*
- ii. *Bio - Teknologi*

iii. *Aero - Angkasa*

iv. *Industri Halal*

Bagi mempromosikan peluang-peluang pelaburan dan menarik pelaburan masuk ke Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah merangka beberapa strategi seperti berikut:-

Strategi jangka masa panjang:-

- i. Melaksanakan perancangan pelan perancangan strategik sektor perindustrian yang telah diterbitkan.
- ii. Merangka dan memacu hala tuju pembangunan perindustrian melalui **Majlis Mesyuarat** yang ditubuhkan seperti:-
 1. *Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC)*
 2. *Halal International Selangor Council*
 3. *Selangor Aerospace Council*
 4. *Bio Tech - Council*
- iii. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program misi penggalakan pelaburan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara-negara yang berpotensi dan yang telah dikenal pasti.
- iv. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui media cetak dan elektronik.
- v. Mewujudkan jaringan hubungan atau *networking* dengan agensi-agensi yang berkaitan (agensi kerajaan, kedutaan, Dewan-dewan Perniagaan dalam dan luar Negara).
- vi. Mewujudkan rakan hubungan strategik dengan agensi-agensi yang berkaitan.
- vii. Cadangan pengelasan kawasan perindustrian mengikut standard kawasan perindustrian luar Negara bagi menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif mengikut keperluan industri.
- viii. Mewujudkan kawasan perindustrian yang selesa dan kondusif berkonsepkan *Managed Industrial Parks*.
- ix. Penganjuran ekspo dan forum bertaraf antarabangsa.

Strategi jangka masa pendek:-

- i. Penjenamaan dan mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian yang berpotensi melalui media cetak atau elektronik.
- ii. Pengemaskinian dan penyediaan buku panduan pelaburan yang komprehensif dan mudah untuk dijadikan bahan rujukan para pelabur.
- iii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu-isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.
- iv. Memperkasakan peranan Unit Pelaburan PBT bagi membantu para pelabur dalam proses kelulusan pembangunan.
- v. Menyediakan peruntukkan khusus bagi penyelenggaraan kawasan perindustrian di setiap PBT.
- vi. Mengadakan Mesyuarat *Industrial Park Management Committee* (IPMC) bagi membantu menyelesaikan isu-isu kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.